


INDEKS PERSEPSI RASUAH 2022

Dr Muhammad Mohan | Presiden TI-Malaysia

31 Januari 2023



TRANSPARENCY
INTERNATIONAL
MALAYSIA

APA ITU CPI?

Indeks agregat (sehingga 13 sumber data berbeza) global (180 negara/wilayah) meninjau persepsi (pakar/ahli perniagaan) mengenai rasuah (penyalahgunaan kuasa untuk keuntungan peribadi) dalam sektor awam (pegawai dan institusi awam)

APA YANG DIUKUR OLEH CPI?



- Rasuah
- Penyelewengan dana awam
- Penguatkuasaan mekanisma integriti
- Komitmen memerangi rasuah
- Sekatan ke atas kebebasan bersuara
- Penggunaan jawatan untuk kepentingan peribadi
- Akses kepada maklumat bagi NGO
- 'State capture'
- Pendakwaan pegawai korup
- Bebanan birokrasi yang berlebihan
- Undang-undang pendedahan kewangan
- Perlindungan terhadap pemberi maklumat



- Pandangan atau pengalaman rakyat tentang rasuah
- Penipuan cukai
- Aliran wang haram
- Pemboleh/penyebab rasuah
- Pengubahan wang haram
- Sebarang jenis rasuah dalam sektor swasta
- Ekonomi dan pasaran tidak formal

SUMBER KAJIAN



Bertelsmann Stiftung



Political & Economic Risk Consultancy Limited
Asian Intelligence Report

S&P Global
Ratings

METODOLOGI



Pilih Sumber
Data

Skala Semula
& Seragamkan
Data Sumber

Kira
Purata

Lapor
Ketidakpastian




Konflik, keamanan dan keselamatan

Rasuah boleh menjaskan kestabilan politik, sosial dan ekonomi, dan akhirnya mengancam keamanan dan keselamatan secara keseluruhan. Rasuah juga merancakkan aktiviti jenayah terancang, malah keganasan, kerana kegiatan haram penjenayah dibantu oleh pejawat awam yang korup.


2022 KEPUTUSAN

PURATA SERANTAU


Average regional scores, with top and bottom performers in each region.



10 NEGARA TERATAS



10 NEGARA TERENDAH



SKOR MALAYSIA

TAHUN	SKOR ¹
2019	53
2020	51
2021	48
2022	47




Nota: 1. 100 (paling bersih) hingga 0 (paling korup)

CORRUPTION PERCEPTIONS INDEX 2022

The perceived levels of public sector corruption in 180 countries/territories around the world.

SCORE COUNTRY/TERRITORY

90	Denmark	67	Chile	52	Grenada	42	Solomon Islands	36	Sri Lanka	30	Mauritania	23	Iraq
87	Finland	67	United Arab Emirates	51	Malta	42	Timor-Leste	36	Thailand	30	Papua New Guinea	23	Myanmar
87	New Zealand	65	Barbados	51	Rwanda	42	Trinidad and Tobago	36	Turkey	30	Zimbabwe	23	Zimbabwe
84	Norway	64	Bahamas	51	Saudi Arabia	42	Vietnam	34	Bosnia and Herzegovina	29	Eritrea	22	Eritrea
83	Singapore	63	Israel	50	Croatia	41	Kosovo	34	Gambia	28	Sudan	22	Sudan
83	Sweden	63	Korea, South	50	Mauritius	40	Guyana	34	Indonesia	28	Congo	21	Congo
82	Switzerland	62	Lithuania	49	Namibia	40	India	34	Malawi	28	Guinea Bissau	21	Guinea Bissau
80	Netherlands	62	Portugal	48	Vanuatu	40	Maldives	34	Nepal	27	Democratic Republic of the Congo	20	Democratic Republic of the Congo
79	Germany	60	Botswana	47	Jordan	40	North Macedonia	34	Sierra Leone	27	Chad	19	Chad
77	Ireland	60	Cabo Verde	46	Armenia	40	Suriname	33	Algeria	26	Cameroon	19	Comoros
77	Luxembourg	60	Saint Vincent and the Grenadines	46	Romania	40	Tunisia	33	Angola	26	Liberia	19	Nicaragua
76	Hong Kong	60	Spain	45	China	39	Belarus	33	El Salvador	26	Madagascar	19	Turkmenistan
75	Australia	59	Latvia	45	Cuba	39	Colombia	33	Mongolia	26	Mozambique	17	Burundi
74	Canada	58	Qatar	45	Montenegro	39	Moldova	33	Philippines	26	Uganda	17	Equatorial Guinea
74	Estonia	56	Czechia	45	Sao Tome and Principe	38	Argentina	33	Ukraine	25	Bangladesh	17	Haiti
74	Iceland	56	Georgia	44	Bahrain	38	Brazil	33	Zambia	25	Guinea	17	Korea, North
74	Uruguay	56	Italy	44	Jamaica	38	Ethiopia	32	Dominican Republic	25	Iran	17	Libya
73	Belgium	56	Slovenia	44	Oman	38	Morocco	32	Kenya	24	Afghanistan	16	Yemen
73	Japan	55	Dominica	43	Benin	38	Tanzania	32	Niger	24	Cambodia	14	Venezuela
73	United Kingdom	55	Poland	43	Bulgaria	37	Cote d'Ivoire	31	Bolivia	24	Central African Republic	13	South Sudan
72	France	55	Saint Lucia	43	Ghana	36	Lesotho	31	Laos	24	Guatemala	13	Syria
71	Austria	54	Costa Rica	43	Senegal	36	Albania	31	Mexico	24	Lebanon	12	Somalia
70	Seychelles	53	Fiji	43	South Africa	36	Ecuador	31	Uzbekistan	24	Nigeria		
69	United States of America	53	Slovakia	42	Burkina Faso	36	Kazakhstan	30	Panama	24	Tajikistan		
68	Bhutan	52	Cyprus	42	Hungary	36	Egypt	30	Djibouti	23	Azerbaijan		
68	Taiwan	52	Greece	42	Kuwait	36	Peru	30	Eswatini	23	Honduras		



PEMARKAHAN TERPERINCI

NO.	SUMBER	2022	2021	Perubahan
1	Indeks Transformasi Bertelsmann Stiftung	49	49	—
2	Unit Perisikan Ekonomi Perkhidmatan Risiko Negara	55	55	—
3	Penilaian Risiko Negara Wawasan Global	59	59	—
4	Tinjauan Pendapat Eksekutif Daya Saing Tahunan Dunia Pusat Daya Saing Dunia IMD	40	43	-3
5	Perundingan Risiko Politik dan Ekonomi Perisikan Asia	37	38	-1
6	Panduan Risiko Negara Antarabangsa Kumpulan PRS	41	41	—
7	Tinjauan Pendapat Eksekutif Forum Ekonomi Dunia	47	54	-7
8	Tinjauan Pakar Indeks Undang-Undang Peraturan Keadilan Dunia	45	48	-3
9	Varieti Demokrasi (V-Dem)	49	49	—


Jumlah:
Agregat:

422	436
47	48


ANALISA

NEGARA ASEAN

NEGARA	Skor Negara		Kedudukan		SKOR
	2022	2021	2022	2021	
Singapura	83	85	5	4	
Brunei	-	-	-	-	
Malaysia	47	48	61	62	
Vietnam	42	39	77	87	
Thailand	36	35	101	110	
Indonesia	34	38	110	96	
Filipina	33	33	116	117	
Laos	31	30	126	128	
Kemboja	24	23	150	157	
Myanmar	23	28	157	140	




SKOR MALAYSIA – 11 TAHUN LEPAS




PERUBAHAN KETARA SECARA STATISTIK

56
 negara dengan
 perubahan
 ketara sejak
 2012




AME	ECA	SSA
2 negara	4 negara	7 negara
8%	16%	28%
AP	MENA	WE/EU
6 negara	0 negara	6 negara
24%	0%	24%
AME	ECA	SSA
9 negara	2 negara	3 negara
29%	6%	10%
AP	MENA	WE/EU
6 negara	4 negara	7 negara
19%	13%	23%

PERUBAHAN KETARA SECARA STATISTIK



RASUAH MENJADIKAN ANCAMAN KESELAMATAN LEBIH BERKEMUNGKINAN




Sumber: Fund for Peace Fragile States Index



Penunjuk Alat Keselamatan merangkumi ancaman keselamatan kepada negara, seperti pengeboman, serangan dan kematian berkaitan pertempuran, pemberontakan, rampasan kuasa atau keganasan. Ia juga mengambil kira faktor jenayah yang serius, seperti jenayah terancang dan pembunuhan, dan kepercayaan rakyat terhadap keselamatan domestik.

RASUAH MENYUKARKAN TINDAK BALAS JENAYAH



Skor ketahanan mewakili bidang politik, undang-undang, ekonomi dan sosial masyarakat yang apabila disatukan, berpotensi memberikan tindak balas yang holistik dan berkesan terhadap jenayah terancang. Semakin tinggi skor ketahanan, semakin berkesan tindak balas terhadap jenayah terancang.

Sumber: Global Initiative Against Transnational Organized Crime (2021), Global Organized Crime Index.

SEBAB SKOR MALAYSIA MEROSOT

- 
- **Kurangnya kemahuan politik dalam memerangi rasuah institusi**
 - ❖ Pakej rangsangan COVID-19 berjumlah besar dilancarkan tanpa perbahasan & penelitian parlimen
 - ❖ Lantikan politik untuk mengetuai syarikat berkaitan kerajaan/syarikat pelaburan berkaitan kerajaan
 - ❖ Keengganan untuk mengatasi kos berlebihan dengan tegas (contoh: Projek Kapal Tempur Pesisir)
 - ❖ Kegagalan tadbir urus berulang kali yang didedahkan oleh Ketua Audit Negara
 - ❖ Kurangnya tindakan terhadap penjawat awam yang didapati menyalahgunakan jawatan mereka
 - ❖ Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 (NACP) yang perlahan
 - **Pembaharuan institusi telah terhenti**
 - ❖ 4 kerajaan terdahulu gagal membentangkan Rang Undang-Undang Pembiayaan Politik
 - ❖ RUU Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) disemak semula kepada RUU Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) yang lemah dan tidak berkesan
 - ❖ Tiada perkembangan dalam cadangan reformasi SPRM dari tahun 2015
 - ❖ Kemajuan perlahan terhadap penambahbaikan Akta Pemberi Maklumat 2010
 - ❖ RUU Perolehan Kerajaan masih belum dibentangkan di Parlimen
 - ❖ Pengasingan kuasa antara Peguam Negara dan Pendakwa Raya

PERKEMBANGAN POSITIF

➤ Pendakwaan dalam Kes Rasuah Antarabangsa SRC

- ❖ Membuktikan Kebebasan Institusi Kehakiman

➤ MOU antara Kerajaan PN sebelumnya & Pakatan Harapan

- ❖ Luluskan kelayakan mengundi pada usia **18** dan pendaftaran pengundi automatik *(selesai)*
- ❖ Undang-undang **Lompat Parti** *(selesai)*
- ❖ Perjanjian Malaysia (MA) 63 *(kemajuan pada 2021 & 2022)*
- ❖ Menghadkan tempoh perkhidmatan jawatan **PM** kepada **10** tahun *(belum selesai)*
- ❖ Reformasi **Parlimen** *(belum selesai)*

➤ Pengumuman Positif oleh Perdana Menteri

- ❖ Tadbir urus baik, memerangi rasuah dan kebebasan kehakiman dikenalpasti sebagai isu teras
- ❖ Pelaksanaan tender terbuka untuk kontrak perolehan
- ❖ Semak semula projek bernilai tinggi tertentu
- ❖ Menangani isu berbangkit dalam **Laporan Ketua Audit**
- ❖ Tatakelola baik dan Malaysia bebas rasuah untuk menggalakkan keyakinan pelabur luar

CADANGAN TI-MALAYSIA

1. Ketelusan Maklumat

- ❖ Menentukan skop **Akta Rahsia Rasmi** supaya hal berkepentingan awam dapat diumumkan dan hanya perkara berkaitan dengan **keselamatan negara dilindungi**
- ❖ Berkongsi maklumat dengan telus termasuk memuat naik data mengenai semua kontrak awam dan dokumen sokongan
- ❖ Menyediakan **kemaskini berkala mengenai status** kes rasuah berprofil tinggi yang belum selesai
- ❖ Pantau pelaksanaan **Pelan Antirasuah Nasional (NACP)** dan paparkan kemajuan bagi setiap inisiatif melalui laman awam

2. Pentadbiran Awam

- ❖ Memperkasa **KSN** untuk memikul tanggungjawab dalam peranan pekhidmatan awam dan **pelaksanaan matlamat NACP**
- ❖ Mengamalkan **Piawaian Antarabangsa Mengenai 'Integrity Pact'** dalam **Perolehan Kerajaan** demi ketelusan dan tadbir urus baik. **Surat pekeliling kerajaan terkini gagal menangani masalah ini**
- ❖ Amanat bahawa **projek "mega"** mesti memerlukan **kelulusan parlimen** sebelum dimulakan, dan kesemua dokumen sokongan seperti Analisis Keperluan dan laporan Manfaat Kos dikongsi kepada umum
- ❖ Memastikan penjawat awam yang didapati bersalah melakukan **rasuah** untuk **letak jawatan**

3. Perundangan untuk Memperkuuh Tadbir Urus

- ❖ Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 – menyediakan saluran pelaporan yang lebih terbuka kepada orang awam dan penambahbaikan perlindungan kepada pemberi maklumat
- ❖ Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 – memasukkan sekatan terhadap rasuah
- ❖ Akta SPRM 2009 – memasukkan peruntukan **Salah Laku di Pejabat Awam (MIPO)** supaya pegawai awam bertanggungjawab atas tindakan mereka
- ❖ Akta Pembiayaan Politik – untuk menangani **politik wang**, semasa pilihan raya dan sebagai skema rasuah
- ❖ Akta Perolehan – untuk meningkatkan ketelusan dan tadbir urus baik dalam proses perolehan awam
- ❖ Akta Ombudsman – untuk menubuhkan pejabat Ombudsman bebas dengan kuasa untuk menghukum kepada orang ramai untuk melaporkan kesalahan dan penyelewengan
- ❖ Akta Pengisytiharan Harta - untuk mendesak ahli politik dan pegawai awam berpangkat tinggi mengisytiharkan aset mereka dan menjadikannya boleh diakses oleh orang awam

4. Memperkasa SPRM

- ❖ Peruntukan bagi **pembiayaan berasingan** untuk operasi SPRM yang diluluskan oleh Parlimen
- ❖ Kemampuan untuk **menguruskan keperluan pentadbiran dan tenaga kerja sendiri**
- ❖ **Mandat lapor terus ke Parlimen**
- ❖ Memerlukan pindaan terhadap **Akta SPRM dan Perlembagaan Persekutuan** (seperti dicadangkan oleh NGO pada 2015)

LANDSKAP PEMERINTAHAN

A. Kewartawanan Penyiasatan

- ❖ Perlindungan bagi wartawan untuk menjalankan kewartawanan penyiasatan melalui pemerkasaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat
- ❖ Sejajar dengan seruan Perdana Menteri agar penjawat awam melaporkan keputusan meragukan secara langsung kepadanya
- ❖ Laporan Kewartawanan Penyiasatan signifikan yang terakhir ialah pendedahan kubur besar Wang Kelian pada tahun 2015
- ❖ Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) tubuhkan dan hanya mendedahkan laporan siasatan baru-baru ini
- ❖ Persoalan – adakah pelaku utama telah ditangkap, bagaimana ia dapat melarikan diri dari pemantauan pihak berkuasa?

B. Pilihanraya Majlis Tempatan

- ❖ Majlis tempatan berdepan dengan pelbagai masalah tadbir urus yang memberi kesan langsung kepada rakyat
- ❖ Mereka merupakan bahagian penting dalam perkhidmatan penyampaian sektor awam
- ❖ Wujudnya pilihanraya majlis tempatan secara langsung meningkatkan keberkesanan tabdir urus awam
- ❖ Tanpa pilihanraya, lantikan ahli majlis boleh menjadi satu bentuk ganjaran kepada penyokong
- ❖ Penyertaan rakyat dapat membantu meningkatkan ketelusan dalam servis penyampaian
- ❖ TI-M dalam perancangan melaksanakan program Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB) untuk menggalakkan penyertaan rakyat

MAJU KE HADAPAN

- Penekanan Perdana Menteri untuk mengamalkan **tadbir urus baik, ketelusan, integriti dan akauntabiliti demokratik** dalam pemerintahannya memberi nafas baru buat Malaysia dalam memerangi rasuah.

- Jika kita mahu melihat skor CPI Malaysia bertambah baik, harapan ini perlu diterjemahkan dalam **tindakan yang boleh diukur untuk menghasilkan keputusan yang diinginkan**.





ti-malaysia@transparency.org.my



www.transparency.org.my